pierre
Pakaian potongan gaya bebas dihasilkan khusus buat remaja masa kini
Diperolehi dikebanyakan pasaraya dan gedung pakaian terkemuka.

Berita Minggu MALAYSIA
No. 1064 AHAD, 27 NOVEMBER, 1983 — 22 SAFAR, 1404 ★★ 40 SEN KDN 0016/83

ARKIB NEGARA

kasut-kasut anchor
Kasut Keledar Industri
Lot 8236, Jalan 222 P. Jaya
P.O. Box 1093,
Jalan Semangat,
Petaling Jaya.
Tel: 560836/560927
Tempat Pamiran: 97, Jalan Sultan.

# Perhimpunan bukti sokongan rakyat

● TANPA diduga, puluh ribu rakyat berbilang kaum menyambut ketibaan pemimpin mereka kasihi, Datuk Seri Dr Mahathir yang melawat Kedah, semalam.

# PM tidak akan letak jawatan

Oleh AHMAD PUAD ONAH

## Peruntukan diraja lulus

**JOHOR BAHRU, Sabtu — Persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini, meluluskan tanpa bahas Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 1983 iaitu penambahan peruntukan diraja dari $870,000 kepada $1,421,700.**

**Menteri Besar, Datuk Ajib Ahmad membentangkan rang undang-undang itu yang berkuatkuasa mulai Januari tahun ini.**

## 'Saya bukan dipilih oleh diri kita sendiri, tetapi dipilih oleh rakyat'

**ALOR STAR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan beliau tidak akan meletakkan jawatan melainkan dikehendaki oleh rakyat.**

Perdana Menteri berkata beliau rela meletakkan jawatan jika rakyat mendapati beliau tidak menjalankan tugas atau tidak layak lagi menjadi Perdana Menteri.

"Tetapi, tiada pihak lain yang boleh memaksa saya meletakkan jawatan kerana rakyat mempunyai hak menentukan siapa pemimpin mereka," tegasnya di depan lebih 50,000 rakyat berbilang kaum yang menyambut ketibaan beliau dan Datuk Paduka Datin Seri Dr Siti Hasmah hari ini.

Sambil disambut oleh teriakan 'hapuskan mereka', Datuk Seri Dr. Mahathir mendedahkan ada golongan tertentu sedang menyebarkan khabar-khabar angin mengelirukan rakyat kononnya beliau akan meletakkan jawatan ekoran isu pindaan Perlembagaan.

"Saya bukan dipilih oleh diri kita sendiri tetapi dipilih oleh rakyat. Saya tidak boleh meletakkan jawatan melainkan disuruh oleh rakyat," katanya disambut sekali lagi oleh pekikan 'hidup Mahathir'.

Perdana Menteri berkata beliau tidak akan kekal dan tidak ingin kekal dalam jawatannya, hanya rakyatlah yang akan terus kekal," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata golongan itu menghantar memorandum kepada kerjaan mengatakan pindaan Perlembagaan tidak boleh diterima kerana ia menjejaskan rakyat.

### Cita-cita demokrasi

"Mereka mendakwa kerajaan hendak menubuhkan sebuah republik, tetapi dalam memorandum itu mereka berkata Perlembagaan negara sepatutnya dihapuskan sama sekali," kata beliau.

Menurutnya, niat mereka ialah apabila Perlembagaan dihapuskan mereka dapat menyingkir segala institusi yang ada dan menubuhkan sebuah republik.

Pendedahan beliau disambut oleh sorakan 'tangkap mereka dan hapuskan mereka'.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak berniat melawan sesiapa atau mengambil kuasa sesiapa.

"Kita melawan untuk kehidupan rakyat dan apa yang kita buat ialah apa yang ditentukan mengikut Perlembagaan.

"Kita bukan hendak isi kandungan Perlembagaan saja tetapi semangat dan cita-cita demokrasi yang termaktub dalam Perlembagaan," ujar beliau lagi.

Beliau berkata kerajaan atau beliau sendiri tidak berniat hendak kekal memerintah. "Niat kita semata-mata hendak berkhidmat untuk rakyat," tambahnya.

Perdana Menteri menjelaskan kedudukan beliau dan pemimpin lain ditentukan oleh rakyat sebagai pengundi dalam pilihanraya yang diadakan lima tahun sekali.

"Setiap lima tahun sekali kami akan ditemuduga dan bagi saya, lebih 50,000 pengundi di kawasan saya akan menemuduga saya.

"Jika kami buat salah, rakyat boleh menyingkir kami tetapi jika kami menjalankan tugas dengan betul, sudah tentu rakyat akan memberi sokongan," ujar beliau lagi disambut dengan tepukan gemuruh.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak dapat mengenepikan suara ramai rakyat kerana negara ini mengamalkan sistem demokrasi.

"Kertas-kertas undi tidak mempunyai perasaan tetapi perhimpunan ramai seperti ini dapat membuktikan sokongan rakyat," tambahnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir berkata jika rakyat tidak memberi sokongan menentang penubuhan Malayan Union dulu sudah tentu Britain tidak akan percaya rakyat menolak cadangan itu.

"Tetapi kerana rakyat menunjukkan kepada Inggeris, mereka tidak bersetuju dengan Malayan Union, Inggeris terpaksa tunduk kepada kehendak rakyat di negara ini," jelasnya.

Beliau berkata, sejak 26 tahun sistem demokrasi diamalkan, pembangunan negara telah dapat dipesatkan meliputi semua kawasan bandar dan desa.

Perdana Menteri berikrar akan terus mencuba sedaya-upaya untuk mencapai cita-cita dan hasrat rakyat.

## Kerajaan tidak dapat ketepikan suara ramai rakyat — Dr. Mahathir

## 50,000 sambut Mahathir

Oleh NAZAR ABDUL
Alor Star, Sabtu

LEBIH 50,000 rakyat berbilang kaum membanjiri lapangan terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas dekat sini menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongannya pagi ini.

Pemimpin-pemimpin parti dan masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan belia pelbagai kaum berada di lapangan terbang sejak 7 pagi untuk mengalu-alukan Datuk Seri Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah.

Pesawat jet eksekutif yang membawa rombongan Perdana Menteri mendarat di lapangan terbang kira-kira jam 9.15 pagi disambut dengan tepukan gemuruh dari ribuan rakyat sambil melambai-lambai pesawat tersebut.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin dengan diiringi oleh Menteri Besar Perlis Datuk Haji Ali Ahmad menaiki pesawat itu menyambut Perdana Menteri dan ahli rombongannya.

Orang ramai yang penuh sesak melaungkan: 'Hidup Mahathir! Hidup Mahathir! Hidup Mahathir!' sebaik saja Datuk Seri Dr. Mahathir melangkah keluar dari pesawat itu. Beberapa pemimpin MIC Kedah dan Perlis pula mengalungkan bunga malai kepada Datuk Seri Dr Mahathir diiringi dengan tepukan gemuruh dari orang ramai.

Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional Kedah dan Per-

● LIHAT MUKA 3

## Rakyat perlu sokong penuh pucuk pimpinan: Tengku Razaleigh

BUTTERWORTH, Sabtu — Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah menggesa rakyat menyokong penuh pucuk pimpinan dalam masalah pindaan Perlembagaan.

Tengku Razaleigh berkata: "Kita perlu beri sokongan terhadap langkah pucuk pimpinan kita yang bijaksana.

"Kita sekali-kali tidak mahu isu ini jadi terlalu hangat dan salah tafsir yang boleh menimbulkan pelbagai masalah," kata Tengku Razaleigh ketika berucap merasmikan kursus ekonomi anjuran Wanita Umno Pulau Pinang di bangunan Umno Mata Kucing di sini.

Menurutnya isu ini adalah pertalian yang kedua pernah berlaku dalam negara kita.

Kali pertama, katanya sewaktu rakyat terbahit tampil memberi pendapat kepada Suruhanjaya Reid yang dijemput untuk merangka perlembagaan negara, agar perlembagaan itu sesuai dan diterima oleh masyarakat di negara ini.

Tengku Razaleigh berkata: "Kali ini kita berdepan suatu perubahan yang perlu dibuat semata-mata hendak melincinkan lagi proses perundangan dan pentadbiran negara sesuai dengan pendapat dan fikiran rakyat.

"Langkah ini juga bertujuan supaya pembangunan untuk rakyat dapat dipertingkatkan lebih tinggi."

Pindaan Perlembagaan itu juga jelasnya, adalah bertujuan rakyat dapat mencapai nikmat yang lebih baik hasil kepimpinan yang dibawa oleh pucuk pimpinan sekarang.

Tengku Razaleigh yakin masalah pindaan Perlembagaan akan dapat diselesaikan dengan baik.

"Kita berdoa apa juga langkah yang diambil akan membawa faedah kepada rakyat," kata beliau.

Tengku Razaleigh menyebut orang-orang Melayu secara tradisinya memang pandai menyusun langkah untuk menyelesaikan masalah.

BENCANA SANTAU
PEMBUNUH DALAM PERUT
PENGHISAP DARAH MENGGANAS
BACARIA
SUARA GENERASI BARU
KELUARAN KHAMIS 1 DISEMBER 1983
BILANGAN 54

ADABI
PASIR PUTEH

Tingkatan yang disediakan: 3, 4, 5, 6

Keistimewaan Adabi untuk Pelajar:
- Guru tetap yang berpengalaman dan bersemangat
- Skima pengajaran disusun khas berdasarkan sukatan pelajaran.
- Ujian dan peperiksaan bulanan dan penggal.
- Perpustakaan berhawa dingin.
- Asrama
- Latihan kepimpinan dan ketahanan diri.
- Ceramah dan seminar akedamik dan non-akedamik.
- Tekanan pada disiplin dan semangat.

Semuanya membawa ke satu arah, iaitu kejayaan yang kita harapkan.

Sekolah bermula: 2-1-1984

PENDAFTARAN DIBUKA SEKARANG!

ADABI

CAWANGAN: * KOTA BHARU, Jln Sultanah Zainab. Tel: 097-21827 *PASIR MAS, Jln. Pasir Pekan.Tel: 097-709382 * TAMAN MERAH, Jln Ismail Petra. Tel: 097-52849 ALOR STAR, Jln Mahsuri, Tel: 04-723839 * BUKIT MERTAJAM, Jln Abdul Kadir, Tel: 04- 513161 * KUALA TRENGGANU, Jln Kg. Dalam. Tel: 096-23920 * KUANTAN, Jln Gambang. Tel: 095-502191 * MUAR, Jln. Khalidi. Tel: 06-922486.